

12 AUG 1999

Syed Hamid-Dasar

DASAR LUAR M'SIA MASA DEPAN BERASASKAN KEPENTINGAN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Dasar luar Malaysia pada alaf akan datang bergantung kepada kedudukan dasar dalam negara dan pendekatannya perlu berasaskan kepentingan sebagai sebuah negara, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya dasar luar itu juga bergantung kepada kepentingannya bagi memastikan kekuatan negara-negara dan pertumbuhan-pertumbuhan serantau.

"Ini kerana dengan adanya pertumbuhan rantau, suara kita dan kedudukan kita sebagai satu kumpulan lebih kukuh untuk kita berhadapan kepada cabaran bila memasuki alaf baru yang bergantung pada perpaduan dan kedaulatan, dan kemantapan negara-negara dalam Asean," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan syarahan bertajuk "Hala Tuju Antarabangsa Malaysia Di Alaf Baru" di Auditorium, Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara di sini hari ini.

Syed Hamid berkata Asean bukan sahaja sebagai kumpulan politik tetapi juga sebagai kumpulan ekonomi yang berkerjasama untuk mengambil bahagian dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Syed Hamid yang mengulas lanjut mengenai kandungan ucapannya itu berkata perhubungan Malaysia dengan benua-benua lain dan sikap negara dan pertumbuhan-pertumbuhan lain dalam isu globalisasi perlu dilihat secara meluas kerana tidak mahu ianya digunakan sebagai alat mendominasi.

"Kita mahu menentukan walaupun kita menerima globalisasi, ia tidak patut digunakan sebagai satu alat untuk mendominasi negara-negara kecil atau negara-negara membangun," katanya.

Beliau berkata input dari negara-negara membangun perlu diambil juga untuk mengambil bahagian secara saksama dan adil.

"Cara yang terbaik untuk menentukan kesaksamaan dan keadilan dalam dunia yang mencabar ini ialah dengan menentukan kukuhan pertumbuhan-pertumbuhan rantau seperti Asean, G-15, G-7," katanya.

Dalam ucapannya, Syed Hamid berkata, tugasnya untuk meramalkan dasar Malaysia pada masa depan adalah agak mudah kerana sebenarnya hala tuju nasional Malaysia telah diterangkan dengan jelas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Wawasan 2020.

Syed Hamid berkata Malaysia juga mahukan perubahan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang ditubuhkan pada 1948 dengan hanya keanggotaan lebih 50 negara berbanding 185 negara kini.

Katanya keadaan dan cabaran pertumbuhan itu kini berbanding semasa ditubuhkan amat berbeza dan ia memerlukan kesesuaian mengikut masa.

Malaysia juga, kata Syed Hamid, mahukan reformasi dalam sistem kewangan dunia dan menjelaskan bahawa dasar luar itu digariskan pada masa kini yang lebih jelas untuk membolehkan misi negara memainkan peranan yang berkesan.

-- BERNAMA

NHD RHM